

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**KAWASAN : BATU KAWAN**

**SOALAN :**

**YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan serta tempoh masa pelaksanaan semua kerja-kerja membaik pulih serta melebarkan jalan-jalan Persekutuan di bawah Parlimen Batu Kawan seperti Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak, Jalan Batu Kawan, Jalan Perindustrian Prai, Jalan Permatang Tinggi, Jalan Paboi, Jalan Bukit Tengah dan "overhead" dan bilakah Tol Sungai Nyior dan Tol Jambatan Pulau Pinang akan dimansuhkan atau kadarnya dikurangkan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan di Parlimen Batu Kawan adalah sebahagian daripada skop cadangan projek membina laluan alternatif Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) iaitu antara Juru ke Sungai Dua. Projek ini dicadang untuk dilaksanakan secara penswastaan. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada keputusan kerajaan berhubung hala tuju industri tol di negara ini. Mengenai isu cadangan pemansuhan Tol Sg Nyior di Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk memansuhkan tol di plaza tol berkenaan. Namun isu-isu berkaitan tol akan dibincangkan secara holistik oleh Jawatankuasa Khas Hala Tuju Tol yang akan bermesyuarat pada bulan Disember 2019 nanti.

Sekian, terima kasih.